

30/08/2000

Tenaga muda mampu bawa pembaharuan dalam Umno

Jamhariah Jaafar

LEBIH baik lambat daripada terlewat - demikian maksud satu pepatah Inggeris yang kini diambil iktibar oleh Umno apabila melakukan segala yang terdaya bagi mengikis kelemahan dan keburukan dalam parti terunggul Melayu itu, termasuk menyuntik semula darah muda bagi menyegarkan kembali perjuangannya.

Sebenarnya tidak mudah bagi barisan pemimpin tertingginya membuat keputusan, terutama dalam pemilihan pemimpin baru yang sudah pasti mengecewakan ramai tokoh veteran. Tetapi kematangan semua pihak dalam menerima keputusan itu adalah perlu untuk melicinkan usaha 'pembersihan' yang menyeluruh terhadap imej parti yang sudah terlalu banyak terpalit lumpur.

Justeru, tindakan melantik orang muda dalam barisan kepemimpinan, termasuk sebagai ketua eksekutif negeri seperti yang berlaku di Selangor, perlu diberi sokongan padu kerana harapan untuk melihat Umno kembali ke landasan sebenar, iaitu berjuang untuk agama, bangsa dan negara, sudah mula menjadi kenyataan.

Ketegasan kepemimpinan parti dalam memilih pemimpin baru di kalangan generasi muda, turut membuka mata semua pemimpin Umno lain, terutama golongan veteran yang masih menaruh harapan untuk memijak tangga kepemimpinan lebih tinggi pada masa depan. Mereka yang sudah berada di tengah-tengah jalan tetapi agak melencong dari landasan sebenar, sudah pasti akan berusaha membetulkan kembali perjalanan sekiranya mereka ingin terus relevan di mata rakyat.

Umno seakan-akan terjaga dari mimpi yang indah dan buaian kemewahan apabila negara dilanda masalah ekonomi dan disusuli krisis politik yang menyaksikan luahan perasaan tidak puas hati secara terbuka oleh sebilangan besar orang Melayu dalam pilihan raya umum tahun lalu.

Pembangkang yang bergabung di bawah nama Barisan Alternatif pula mengambil kesempatan daripada kedudukan Umno yang agak lemah untuk mengaut keuntungan semaksimum mungkin.

Tanpa mengendahkan risiko dan padah yang mungkin berlaku sekiranya jiwa rakyat, terutama bangsa Melayu, terus dibakar dengan sentimen bencikan pemerintah, parti Melayu pembangkang seperti Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) terus meremeh dan memperlekehkan segala usaha kerajaan ditunjangi Umno yang telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara termaju di kalangan negara membangun.

Tidak dinafikan selepas berkuasa selama 43 tahun, Umno yang kini berganding dengan 14 parti lain di bawah Barisan Nasional (BN), sedikit-sebanyak mempunyai kelemahan di sana sini. Kekuatan yang terbina sejak kemerdekaan dan kejayaan membawa Malaysia keluar daripada belenggu kemiskinan dan masalah perkauman membuat Umno dan BN secara keseluruhan terus diterima rakyat negara ini.

Malaysia terus megah dan mula menerima perhatian antarabangsa di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Namun, krisis ekonomi dan politik sejak 1997, mengubah semua itu dalam sekelip mata. Tiba-tiba Dr Mahathir dan Umno menjadi musuh Melayu. Program dan projek yang berjaya meletakkan Malaysia setanding dengan mana-mana negara maju, sebaliknya menjadi bahan kritikan oleh mereka yang tidak berpuas hati.

Umno turut menjadi mangsa kritikan itu dan segala kesilapan serta kelemahan yang wujud dalam parti itu terus menerus didedahkan. Mungkin ada hikmah di sebalik apa yang berlaku.

Menginsafi hakikat itu dan menyedari barisan pembangkang akan terus menimba faedah daripada kelemahan yang ada sekiranya tidak diperbaiki secepat mungkin, kepimpinan tertinggi Umno dengan lantang menyampaikan mesej kepada semua ahlinya... Umno perlu menilai semula kedudukan, membersihkan diri daripada semua kelemahan dan kembali ke landasan sebenar.

Tidak ada lagi tempat untuk mana-mana ahli yang ingin menjadikan Umno sebagai platform menimba kekayaan, tidak ada tempat lagi untuk mereka berasa diri mereka begitu besar dan penting sehingga menjadi ibarat kacang lupakan kulit.

Mesej yang dibawa oleh Umno sekarang ialah angin pembaharuan kini bertiup ke arah generasi muda, mereka yang bersih daripada sebarang kejadian dan kegiatan yang tidak diingini.

Umno kini mengalami kitaran semula dan suntikan darah muda bertujuan untuk menyegarkan semula semangat yang agak luntur akibat keghairahan mengejar kemewahan peribadi.

Kelahiran nama baru seperti Azimi Daim, Azalina Othman dan yang terbaru Dr Mohamad Khir Toyo dilihat sebagai perintis kepada arus pembaharuan ini.

Generasi baru kini kembali mendapat tempat sewajarnya dalam proses pembangunan masyarakat. Sejak sekian lama, golongan muda yang berdiri sekadar sebagai pemerhati, kini diberi hak untuk bersuara dan peluang untuk turut menjadi penyumbang kepada pembangunan negara mengikut idea dan cita rasa orang muda.

Presiden Umno turut mengakui keperluan Umno untuk melalui proses pembaharuan seiring dengan keperluan politik semasa dan berpendapat angin perubahan itu memerlukan muka baru dan pemikiran baru. Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan perkara ini bukan perkara baru kerana muka dan pemikiran baru ini memang sentiasa diselitkan untuk mengukuhkan parti dan jentera kerajaan.

Antara anak muda yang pernah dinaikkan pangkat sebagai ketua eksekutif negeri pada usia muda ialah Datuk Seri Najib Tun Razak yang menjadi Menteri Besar paling muda pada usia 29 tahun, Tan Sri Mohd Isa Samad menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada usia 33 tahun, manakala Datuk Dr Rais Yatim menjawat jawatan yang sama pada usia 32 tahun dan Tan Sri Rahim Thamby Chik menjadi Ketua Menteri Melaka pada usia 33 tahun.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan yang baru dilantik, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata selama ini imej Umno tercemar apabila segelintir yang berminat untuk menjadi ahli sering menjadikan parti itu sebagai platform mengaut keuntungan untuk kepentingan peribadi.

Justeru, Umno kini mesti kembali ke landasan sebenar, iaitu perjuangan bukan untuk individu, sebaliknya perlu kembali kepada bangsa Melayu. Bangsa yang walaupun menjadi pewaris tanah air ini tetapi masih belum menjadi tuan dalam erti kata sebenar.

Beliau yang dipertanggungjawabkan mengembalikan kegemilangan Umno di ibu kota ternyata memikul beban yang berat kerana semua petualang yang sering mencetus perasaan tidak puas hati ialah daripada kalangan warga kota.

"Kita ada tanggungjawab berat, terutama untuk menarik golongan muda di ibu kota. Oleh itu, penyertaan secara langsung anak muda dalam Umno akan menjadi perhatian utama bagi Umno Wilayah Persekutuan dan kita akan menyusun pelbagai program untuk menarik penyertaan mereka secara berterusan.

"Itu adalah antara sebab mengapa Umno Wilayah Persekutuan kini menggunakan slogan 'Sentiasa Bersamamu' sebagai tanda pintu kami sentiasa terbuka untuk semua warga kota mencurah masalah," katanya.

Anak muda yang baru dilantik menjadi anggota Majlis Tertinggi (MT), Azimi, pula menyaksikan angin perubahan dalam Umno itu adalah terbaik bagi mengembalikan semula kegemilangan Umno yang kian pudar.

"Kini perjuangan kita ialah ibarat pipit sama pipit, enggang sama enggang. Yang lama sudah pasti akan menggunakan pengalaman untuk memujuk mereka yang merajuk, dan yang muda pula akan berhadapan dengan rakan-rakan sebaya untuk menjelaskan mengenai perjuangan bangsa Melayu yang belum selesai," katanya.

Menolak dakwaan tindakan menyuntik darah muda sekadar gimik dan akhirnya mereka akan sekadar menjadi boneka pemimpin veteran, Azimi berkata selepas apa yang berlaku dalam politik negara sejak kebelakangan ini, Umno sedar daripada kelalaian mereka yang tidak memandang serius terhadap keperluan kehadiran golongan muda.

"Dalam politik sebenarnya bukan `one man show', tidak ada siapa yang boleh berjaya dengan sendiri dalam dunia ini. Ia perlu pembabitan semua pihak.

"Dalam suasana politik sekarang, Umno tidak dapat lari daripada mengakui hakikat bahawa suntikan darah muda memang perlu bagi berhadapan dengan penentangan yang lantang, terutama daripada generasi muda.

"Justeru, tindakan Umno memasukkan kami anak muda ke dalam barisan kepimpinan utama sebenarnya adalah kitaran semula kerana perjuangan sebelum merdeka juga terdiri dari kalangan anak muda.

"Dan kini pada alaf baru, dengan keperluan untuk mengisi kekosongan bagi mengukuhkan semula perjuangan untuk bangsa, agama dan negara, sumbangan anak muda ternyata tidak boleh diperlekehkan lagi. Suntikan darah muda ini sudah pasti akan dapat menyegarkan kembali perjuangan Umno dan mengembalikan kegemilangan parti terunggul Melayu ini," katanya.

(END)